



HAJI TASSIM BIN HAJI ABU BAKAR

## Pembinaan dan Penyediaan Rumah Menaik Taraf Kampong Ayer di Negara Brunei Darussalam

**RESUME:** Petempatan Kampong Ayer di Negara Brunei Darussalam telah wujud semenjak petempatan awal kerajaan kesultanan tradisi Brunei. Kampong Ayer telah menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran. Sultan-sultan Brunei yang terdahulu sering berpindah-pindah tempat kediaman, dan akhirnya memilih Kampong Ayer sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran sebelum tahun 1906. Bermula pada zaman Brunei berkerajaan sendiri, penduduk Kampong Ayer boleh membuat pilihan, sama ada mahu berpindah dari air ke darat atau terus menetap di Kampong Ayer. Artikel ini, dengan mengguna-pakai kaedah kualitatif dan penjelasan deskriptif, mahukan mengkaji pihak kerajaan Brunei Darussalam menyediakan satu skim rancangan perpindahan, yang dikenali sebagai Skim Rancangan Perpindahan Penduduk Kampong Ayer ke Darat dan kemudiannya dikenali sebagai Rancangan Perumahan Negara. Pihak kerajaan Brunei Darussalam juga telah menyediakan satu kawasan petempatan untuk mengekalkan keadaan petempatan Kampong Ayer, seperti yang dirancang dengan membina perkampungan yang baru dan tersusun, iaitu di Kampung Bolkiah A dan Kampung Bolkiah B. Dengan adanya penyediaan dan perancangan pihak kerajaan bagi petempatan baru di Kampong Ayer yang lebih baik dan teratur, ianya dapat menarik minat penduduk Kampong Ayer untuk terus tinggal kampung-kampung yang baru tersebut. Jelasnya, berbagai kemudahan dan projek dibangunkan bagi menaik taraf Kampong Ayer dan penduduknya oleh KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah supaya Kampong Ayer dapat dikekalkan sebagai warisan bangsa Brunei dan menjadi destinasi pelancongan juga.

**KATA KUNCI:** Rumah Menaik Taraf; Kampong Ayer; Rancangan Perpindahan; Warisan Brunei; Pelancongan.

**ABSTRACT:** "Construction and Provision of Kampong Ayer Upgrades Houses in Brunei Darussalam". Kampong Ayer settlement in Brunei Darussalam has been in existence since the early settlement of the Brunei Sultanate tradition. Kampong Ayer has become the center of government and administration. The former Sultans of Brunei often moved to residence, and finally chose Kampong Ayer as the center of government and administration before 1906. Beginning in the reign of Brunei itself, the inhabitants of Kampong Ayer could make a choice, whether to move from water to land or continue to settle in Kampong Ayer. This article, by using qualitative methods and descriptive explanations, wanted to study the government of Brunei Darussalam to provide a displacement scheme, known as the Kampong Ayer Population Transfer Plan to the Land and later known as the National Housing Plan. The government of Brunei Darussalam has also set up a settlement to retain Kampong Ayer settlements, as planned by constructing new and structured settlements, at Kampung Bolkiah A and Kampung Bolkiah B. With the preparation and planning of the government for the new settlement in Kampong Ayer is better and orderly, it can attract the residents of Kampong Ayer to stay in the new villages. Clearly, various facilities and projects were developed to upgrade Kampong Ayer and its inhabitants by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam are so that Kampong Ayer could be retained as a Brunei heritage and become a tourist destination as well.

**KEY WORD:** House Upgrades; Kampong Ayer; Transfer Plan; Brunei Heritage; Tourism.

**About the Author:** Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar ialah Pensyarah Kanan di APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus di: [tassim.bakar@ubd.edu.bn](mailto:tassim.bakar@ubd.edu.bn)

**Suggested Citation:** Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2018). "Pembinaan dan Penyediaan Rumah Menaik Taraf Kampong Ayer di Negara Brunei Darussalam" in *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 11(1), May, pp.33-46. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UNIPA Surabaya, ISSN 1979-0112.

**Article Timeline:** Accepted (July 3, 2017); Revised (January 15, 2018); and Published (May 30, 2018).

## PENGENALAN

Pada awal tahun 1960-an, pihak kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan infrastruktur supaya menjadikan Kampong Ayer bertambah maju dan berkembang. Pihak kerajaan telah membina titian konkrit moden secara berperingkat-peringkat, bermula dari Kampong Saba ke Kampong Peramu, dan seterusnya diluaskan ke Kampong Lurong Dalam dan Kampong Burong Pingai Ayer. Titian tersebut menghubungkan rumah-rumah yang terdapat di kampung dan menghubungkan sebuah kampung dengan kampung yang lain. Dengan adanya titian konkrit ini memudahkan penduduk untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain di atas permukaan air. Selain daripada itu, titian ini juga menjadi landasan untuk pemasangan paip air dan pemasangan kabel elektrik (Rachman, 2015; dan Bakar & Mail, 2016).

Setelah titian dibina, bekalan air sekitar tahun 1960-an telah dapat disalurkan ke rumah-rumah. Dengan adanya bekalan air paip, penduduk Kampong Ayer tidak perlu lagi berdayung mengambil air tawar untuk kegunaan harian di daratan. Tempayan yang selama ini digunakan untuk menyimpan bekalan air telah tidak digunakan lagi. Sementara itu, bekalan elektrik dibekalkan kepada penduduk Kampong Ayer agak lewat sedikit, iaitu sekitar tahun 1970-an. Sebelum adanya bekalan elektrik, untuk menerangi rumah di waktu malam, penduduk Kampong Ayer menggunakan lampu gasolin, lilin, dan pelita minyak tanah.<sup>1</sup>

Lampu gasolin, lilin, dan pelita minyak tanah dipasang apabila hari sudah malam; dan kemudian akan dimatikan pada waktu tengah malam.<sup>2</sup> Dalam pada itu terdapat sebilangan penduduk yang kukuh ekonominya menggunakan *engine generator* bagi mendapatkan bekalan

elektrik.<sup>3</sup> Dengan adanya bekalan elektrik, sebahagian besar rumah di Kampong Ayer telah dilengkapi dengan peralatan elektrik, seperti radio, televisyen, peti sejuk, kipas angin, mesin basuh, dan sebagainya. Ini secara tidak langsung telah merobah cara hidup penduduk di Kampong Ayer (Rachman, 2015; dan Ismail ed., 2017).

Kampong Ayer dalam tempoh ini terus berkembang, sehingga pada tahun 1977, Kampong Ayer mempunyai enam buah mukim. Setiap mukim mengandungi beberapa buah kampung. Mukim diketuai oleh seorang Penghulu, dan setiap kampung dipimpin oleh seorang Ketua Kampung. Hampir keseluruhan penduduk yang tinggal di Kampong Ayer terdiri daripada orang Melayu (Zain, 2015a dan 2015b; dan Bakar & Mail, 2016).

Artikel ini, dengan menggunakan-pakai kaedah kualitatif dan huraian yang deskriptif, khasnya dengan pendekatan sejarah (Creswell, 1994; Iskandar, 1994; Sjamsuddin, 2007; Awang, 2009; Alian, 2012; dan Rahardjo, 2017), mahukan membahas hal ehwal Kampong Ayer dalam hubung-kaitnya dengan pembinaan dan penyediaan rumah menaik taraf di Brunei Darussalam. Oleh itu, di dalamnya nak dibincangkan: (1) skim rancangan perpindahan Kampong Ayer dari ayer ke darat sebelum merdeka; (2) corak kehidupan penduduk Kampong Ayer pasca Brunei merdeka; (3) Kampong Ayer selepas pasca merdeka; (4) musibah kebakaran rumah di Kampong Ayer; dan (5) Pembangunan semula Kampong Ayer.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### *Skim Rancangan Perpindahan Kampong Ayer dari Ayer ke Darat Sebelum Merdeka.*

Skim rancangan perpindahan Kampong Ayer ke darat, yang sebelum merdeka di bawah pentadbiran dan tanggungjawab Jabatan Perpindahan Kampong Ayer ke Darat, telah ditukar nama dan dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Perumahan

<sup>1</sup>Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Haji Abdul Majid bin Haji Tuah, beliau pernah tinggal di Kampong Burong Pingai Ayer. Temu bual pada 14 Mac 2009.

<sup>2</sup>Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Pengiran Haji Abdul Rahim bin Pengiran Haji Aliuddin, beliau pernah tinggal di Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda, di Kampong Ayer. Temu bual pada 26 Mei 2009.

<sup>3</sup>Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, beliau pernah tinggal di Kampong Lurong Sikuna, di Kampong Ayer. Temu bual pada 15 Mac 2009.

dan bermula pada 4 Ogos 1984. Oleh itu, peranan dan tanggungjawab jabatan ini semakin bertambah, terutamanya dalam memproses permohonan bagi pemohon-pemohon yang berkelayakan, yang terdiri dari rakyat dan penduduk Brunei yang ingin mengikuti Rancangan Perumahan Negara. Jabatan ini bukan hanya berfungsi menerima permohonan daripada penduduk Kampong Ayer, malahan juga memberi layanan dan menerima permohonan dari semua rakyat dan penduduk yang tidak mempunyai tanah bergeran di darat, untuk membina rumah sendiri dengan mengikuti Skim Rancangan Perumahan Negara (Hassan, 2008; dan Bakar & Mail, 2016).

Di samping itu, jabatan ini juga diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek perumahan, dan juga memperuntukkan rumah dan lot-lot tanah kepada pemohon-pemohon, yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Dalam tempoh ini, Skim Rancangan Perumahan Negara di Negara Brunei Darussalam terbahagi kepada tiga kategori, iaitu: SRPN (Skim Rancangan Perumahan Negara); SKTRJ (Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati); dan SPTI (Skim Pengurniaan Tanah dan Infill). Skim-skim tersebut dibuka kepada semua rakyat yang layak untuk memohon (Abas, 2016; dan Bakar, 2016).

**Corak Kehidupan Penduduk Kampong Ayer Pasca Brunei Merdeka.** Dengan adanya pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan, Kampong Ayer telah berubah daripada sebuah perkampungan tradisi kepada perkampungan moden. Perubahan tidak sahaja berlaku dalam bentuk fizikal kampung, tetapi turut juga berubah dalam cara hidup dan sosial penduduk kampung (Rachman, 2015; dan Bakar, 2016).

Masyarakat Kampong Ayer, pada era ini, lebih mementingkan kebendaan dan diri sendiri. Ciri kehidupan begini amat berbeza dengan kehidupan sebelumnya. Pada era ini, kebanyakan penduduk Kampong Ayer telah memperlihatkan gaya hidup yang mementingkan pemilikan perkakas dan perabot rumah yang mahal dan mewah, kereta yang berjenama, dan berbagai-bagai

lagi yang memperlihatkan simbol-simbol kemewahan dan keberadaan (Said, 2014; dan Bakar, 2016).

Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa pemodenan kali ini berjalan seiring dengan kemewahan. Kelengkapan serba moden dan mewah menjadi ukuran taraf hidup dan status sesebuah keluarga. Kehidupan penduduk ini cuba digaya dan diselaraskan dengan jawatan yang disandang mereka di sektor awam atau swasta (Zain, 2015b; dan Hamid, 2017).

**Kampong Ayer Selepas Pasca Merdeka.** Selepas Brunei Merdeka, pada tahun 1984, pendekatan yang digunakan untuk membangunkan penduduk Kampong Ayer, secara ringkasnya, terbahagi kepada tiga, seperti berikut:

*Pertama*, kerajaan membangunkan kampung-kampung sedia ada yang terdapat di Kampong Ayer, dengan cara menyediakan pelbagai bentuk kemudahan asas dan infrastruktur. Pendekatan ini merupakan kesinambungan usaha yang telah dijalankan sebelum ini. *Kedua*, memindahkan penduduk ke darat dan melaksanakan pembangunan di kawasan perumahan yang dirancang dan dibina di darat. Rancangan pembangunan ini juga telah dilaksanakan sebelum ini, dan pada era ini diteruskan dan diluaskan lagi. Projek pembangunan tidak terbatas kepada penduduk Kampong Ayer sahaja, tetapi dibukakan kepada seluruh rakyat Brunei. *Ketiga*, pendekatan baru dan berlainan dengan rancangan-rancangan sebelumnya, iaitu memindahkan penduduk dari air ke air (Bakar, 2016).

Rancangan pemindahan penduduk dari air ke air, yang dimaksudkan ialah pemindahan penduduk dari Kampong Ayer ke Kampong Bolkiah A dan Kampong Bolkiah B. Kampung Bolkiah A dan Kampung Bolkiah B terletak di Kampung Buang Sakar. Projek perumahan di kedua perkampungan ini dibangunkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang telah ditubuhkan pada tahun 1992, sempena memperingati genapnya 25 tahun KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Dipertuan menaiki takhta (Bakar, 2016; dan Ismail ed., 2017).

Projek tersebut dilaksanakan bertujuan sebagai persediaan awal kepada penduduk di Kampong Ayer yang tidak mahu berpindah ke darat, dan bagi penduduk yang mengalami musibah kebakaran.<sup>4</sup> Bagi penduduk Kampong Ayer yang tidak berminat untuk berpindah ke darat, mereka boleh memohon pertimbangan untuk mendapatkan perumahan di kedua-dua buah kampung tersebut. Unit-unit rumah tersusun yang dibina di tebing Sungai Brunei itu telah dirancang dan dibangunkan menerusi kontraktor swasta.<sup>5</sup>

Kampung Bolkiah A dan Kampung Bolkiah B terbangun atas usaha, keprihatinan, dan dorongan kuat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku pengasas Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah. Rumah-rumah di kedua-dua kampung berkenaan telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas, seperti elektrik, telefon, jambatan-jambatan konkrit yang mempunyai nombor jambatan, surau, pondok polis, kedai runcit, dan syarikat (Bakar, 2011).

Selain itu, sebuah bengkel kerja kain tenunan Brunei telah ditubuhkan bagi melatih kaum wanita yang berminat untuk menceburkan diri dalam industri kecil, iaitu membuat kain tenunan Brunei (Ibrahim, 1996:7-8).

**Musibah Kebakaran Rumah di Kampong Ayer.** Rumah-rumah di Kampong Ayer sering kali menghadapi musibah kebakaran rumah. Penduduk Kampong Ayer yang terlibat dalam kebakaran boleh membuat pilihan untuk berpindah ke darat, atau terus menetap di air, sama ada di Kampong Bolkiah A atau Kampung Bolkiah B.<sup>6</sup>

<sup>4</sup>Lihat "Rancangan Kemajuan Negara Kelapan, 2001-2005, Negara Brunei Darussalam". *Kertas Tidak Diterbitkan*, ada pada penulis, ms.188.

<sup>5</sup>Periksa "Dewan Majlis, Selasa, 15 Jamadilakhir 1438/14 Mac 2017". Tersedia secara online di: <http://www.councils.gov.bn/JMM%20Images/laporan2017/Selasa> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].

<sup>6</sup>Lihat "Elektrik: Kes Kebakaran Rumah". Tersedia secara online di: <http://energy.gov.bn/SitePages/kes%20kebakaran%20rumah.aspx> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].

Dalam pada itu, penduduk Kampong Ayer juga berhak memohon untuk dipertimbangkan mendirikan semula rumah di bekas tapak rumah yang telah terbakar. Namun setakat ini, kampung-kampung yang rumahnya terbakar belum dapat dibangunkan rumah oleh penghuni rumah, kerana mereka perlu memohon kebenaran dari pihak agensi kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan kebenaran membangunkan semula rumah yang terbakar (Rachman, 2015).<sup>7</sup>

**Pembangunan Semula Kampong Ayer.** Pihak kerajaan, melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara selaku urusetia, telah membentuk Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Semula Kampong Ayer, yang berlangsung pada 31 Ogos 2002, bertempat di Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan.<sup>8</sup>

Jawatankuasa ini telah menyediakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Dalam perancangan jangka pendek, untuk menyelaraskan kerja-kerja pembersihan ke atas kawasan-kawasan yang terbakar, termasuk meroboh rumah-rumah yang kosong serta membuat perancangan bagi pembangunan semula perumahan baru yang lebih bersistematik dengan mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan penduduk. Sementara itu, perancangan jangka panjang untuk menjadikan Kampong Ayer sebagai tempat tinggal yang lebih teratur, selamat, dan selesa, di samping dapat mengekalkan imejnya sebagai salah sebuah tempat menarik untuk dikunjungi para pelancong (Aldino, 2016; dan Cinthya, 2018).

Menurut catatan sejarah Brunei bahawa Kampong Ayer di Brunei merupakan sebuah petempatan awal yang telah wujud sebagai sebuah pentadbiran kerajaan pusat dan perdagangan pada masa zaman tradisi

<sup>7</sup>Lihat juga, contohnya, "Usaha Pelihara Kg. Ayer" dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan: 16 Jun 2017. Tersedia secara online juga di: <https://mediapermata.com.bn/usaha-pelihara-kg-ayer/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2018].

<sup>8</sup>Lihat pun "Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Semula Kampong Ayer Dibentuk" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 11 September 2002.

Brunei (Serudin, 1992; Chi, 1994; Nicholl ed., 2007; dan Bakar, 2013).

Dengan keprihatinan berpanjangan di bawah pemerintahan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah telah menyediakan dan membuat projek perumahan di atas air di Kampong Bolkiah A dan Kampong Bolkiah B, terbangun atas usaha, keprihatinan, dan dorongan kuat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku pengasas Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB, 1998; dan Bakar, 2011).

Selain mangsa kebakaran, terdapat juga sebilangan daripada penduduk Kampung Buang Sakar yang telah dimasukkan ke dalam Kampung Bolkiah A, dengan jumlah rumah yang terlibat sebanyak 43 buah. Di Kampung Bolkiah A dan Kampung Bolkiah B, keluarga yang dahulunya hidup beramai-ramai dalam sebuah rumah telah dipisah-pisahkan kepada beberapa buah rumah mengikut bilangan kelaminnya, dan ditempatkan berhampiran di antara satu sama lain. Setiap sebuah rumah terdiri daripada satu kelamin sahaja; berbanding dengan sebelum ini di penempatan lama di Kampung Ayer, dalam sebuah rumah terdapat dua hingga empat buah kelamin (Ramadhan, 2013; Rachman, 2015; dan Zain, 2015b).

Di Kampung Bolkiah, penduduknya tidak terdiri daripada penduduk dari kampung yang sama. Umpamanya, penduduk yang berasal dari Kampung Peramu, sekarang berjiran dengan penduduk yang berasal dari Kampung Setia Pahlawan, atau dari Kampung Saba, atau dari kampung-kampung yang lain. Mereka tidak mempunyai hubungan kekeluargaan (Noor, Fatimah & Zaini, 2014; dan Zain, 2015b).

Beberapa perkara baru telah berlaku hasil daripada perpindahan penduduk dari air ke air, antaranya: *pertama*, tiap-tiap rumah telah diberi "geran tanah" oleh Pejabat Ukur, yang selama ini, perkara berkenaan tidak pernah berlaku; dan *kedua*, kedudukan tiap-tiap rumah disusun dalam

jarak antara sebuah rumah dengan yang lain, kira-kira enam meter, yang mana jarak tersebut perlu diadakan bagi mengelakkan kebakaran rumah terus merebak, jika berlaku kebakaran (Ibrahim, 1996:9).

Perumahan di Kampong Bolkiah A dan Kampong Bolkiah B dibangunkan dengan tujuan asalnya untuk menempatkan mangsa-mangsa kebakaran yang melibatkan tiga buah kampung, iaitu Kampung Peramu, Kampung Setia Pahlawan, dan Kampung Saba Darat B, yang berlaku pada bulan September 1992. Kebakaran besar tersebut telah menyebabkan 183 keluarga yang terdiri daripada 1,083 orang kehilangan tempat tinggal (Noor, Fatimah & Zaini, 2014; dan Zain, 2015b).

Dengan titah perkenan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan, menerusi Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, telah dirancang dan dibina rumah-rumah tersusun di atas permukaan air, di satu tapak yang sesuai di kawasan Buang Sakar. Pembinaan rumah di kawasan tersebut bermula pada bulan Disember 1993, dan telah siap pada bulan Mei 1994 (Chi, 1994). Baginda Sultan berkenan kawasan Perumahan Yayasan di Buang Sakar dikenali sebagai Kampung Bolkiah A. Kampung Bolkiah A didiami oleh mangsa kebakaran dari Kampung Peramu, Kampung Setia Pahlawan, Kampung Saba Darat B, Kampung Sungai Matan, dan Kampung Petagian, di samping penduduk di Kampung Buang Sakar (Hassan, 2008; dan Zain, 2015b).

Rumah yang disediakan di Kampung Bolkiah A terdiri daripada 21 buah jenis A dan 205 buah jenis B. Rumah jenis A dijual kepada penduduk dengan harga subsidi BND 26,000.00 (dua puluh enam ribu Dollar Brunei) sebuah; sementara rumah jenis B dengan harga BND 33,000.00 sebuah (Noor, Fatimah & Zaini, 2014; dan Zain, 2015b). Pemohon yang terdiri daripada mangsa kebakaran dikehendaki membayar balik pinjaman perumahan dalam tempoh 20 tahun, tanpa dikenakan sebarang faedah.

Bagi pemilik rumah jenis A, mereka dikehendaki membayar balik pinjaman

**Jadual 1:**  
Harga, Jumlah, dan Jenis Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah A dan Kampong Bolkiah B

Nama Kampong Dan Harga Rumah	Jenis A	Jenis B	Jumlah Rumah	Letak Kampong	Tahun Dibina
Kampong Bolkiah A	21 buah (harga sebuah BND 26,000.00).	205 buah (harga sebuah BND 33,000.00).	226 buah.	Perairan Buang Sakar.	1993
Kampong Bolkiah B	Rumah jenis A tidak dibina.	250 buah (harga sebuah BND 38,800.00).	250 buah	Perairan Pulau Berambang	1994

sejumlah BND 108.00 sebulan; manakala pemilik rumah jenis B dikenakan bayaran balik sejumlah BND 138.00 sebulan (YSHHB, 1998). Perasmian perumahan Kampong Bolkiah A telah disempurnakan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 Ogos 1994 (Noor, Fatimah & Zaini, 2014; dan Zain, 2015b).

Projek perumahan Kampong Ayer yang kedua telah disiapkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun 1995. Perumahan ini dikenali sebagai Kampong Bolkiah B, yang terletak di perairan Pulau Berambang. Penduduk yang mendiami rumah-rumah di Kampong Bolkiah B terdiri daripada mangsa kebakaran daripada Mukim Saba, Kampong Sungai Kebun, dan Kampong Sungai Pandan (Noor, Fatimah & Zaini, 2014; dan Rahman, 2018).

Secara bandingan, harga rumah di Kampong Bolkiah B lebih tinggi sedikit daripada rumah di Kampong Bolkiah A. Ini disebabkan rumah di Kampong Bolkiah B telah mengalami sedikit perubahan dan penambahbaikan. Jenis rumah yang disediakan di perumahan Kampong Bolkiah B hanya jenis B sahaja dengan harga BND 38,000.00 sebuah. Jumlah rumah yang dibina sebanyak 250 buah. Sila lihat jadual 1.

Pemilik rumah dikehendaki membayar balik pinjaman sebanyak BND 162.00 sebulan bagi tempoh yang sama, iaitu selama 20 tahun. Kampong Bolkiah B telah dibuka secara rasmi oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 Mei 1995 (Ramadhan, 2013; Noor, Fatimah & Zaini, 2014; dan Zain, 2015b).

Perumahan YSHHB (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah) yang dibina di

Kampong Bolkiah A dan Kampong Bolkiah B, kesemuanya berjumlah 476 buah. Reka bentuk dan pembinaan rumah di perumahan YSHHB dibina berdasarkan kepada konsep keselesaan, keselamatan, dan kesejahteraan penghuni yang mendiami rumah tersebut (YSHHB, 1998; Hassan, 2008; dan Zain, 2015b). Dari segi keselesaan, setiap keluarga disediakan sebuah rumah mengikut keramaian ahli keluarga. Dari segi keselamatan, setiap rumah dibina daripada bahan-bahan binaan berkualiti, dan semua rumah dilindungi dengan insurans kebakaran.

Dari segi penyusunan pula, setiap rumah ditentukan jaraknya kira-kira 20 kaki antara satu rumah dengan rumah yang lain, dan dihubungkan dengan jambatan konkrit selebar 9 kaki, yang dilengkapi dengan pengadang pagar besi di sebelah kiri dan kanannya (sila lihat gambar 1). Dari segi kesejahteraan, setiap rumah dilengkapi dengan kemudahan asas, seperti bekalan air paip bersih (sila lihat gambar 2); bekalan elektrik, talian telefon, dan jeti tempat menunggu perahu tambang (sila lihat gambar 3); sistem pengangkutan sampah; dan juga sistem pembuangan najis yang menggunakan sistem inovatif jenis vakum (sila lihat gambar 4, 5, 6 dan 7).

Perumahan di Kampong Bolkiah, bekalan air paip disalurkan terus ke bilik mandi, dapur, tandas, dan bilik mencuci pakaian di dalam rumah. Bekalan elektrik siap dipasang ke bilik-bilik tidur, bilik tamu, dapur, tandas, di hadapan dan belakang rumah bagi menerangi rumah tersebut (sila lihat gambar 8). Dengan adanya bekalan elektrik, menyebabkan penghuni rumah yang berkemampuan memiliki sekurang-kurangnya dua biji televisyen, radio, kipas



**Gambar 1:**  
Kemudahan Jambatan di Kampung Bolkihah



**Gambar 4:**  
Septic Tank Saluran Najis



Meter Ayer  
**Gambar 2:**  
Bekalan Air Paip Bersih dan Meter Air



**Gambar 5:**  
Sistem Pembuangan Najis yang Menggunakan Sistem Inovatif Jenis Vakum



**Gambar 3:**  
Kemudahan Jeti untuk Menunggu Perahu Tambang di Kampung Bolkihah



Saluran Najis  
**Gambar 6:**  
Saluran Najis di Bawah Jambatan Konkrit

angin, astro, periuk elektrik, peti sejuk, dapur ketuhar elektrik, cerek elektrik, mesin basuh, dan peralatan elektrik yang lain.

Rumah jenis B mempunyai saiz berukuran 30 kaki lebar dan 56 kaki

panjang. Saiz rumah tersebut berbeza dengan saiz rumah di Kampung Ayer lama, yang mempunyai pelbagai saiz. Bahan binaan rumah di kampung tersebut semuanya dari kilang. Atap rumah di



**Gambar 7:**  
Tempat Pembuangan Najis



**Gambar 10:**  
Lantai Rumah Diperbuat daripada Papan.



**Gambar 8:**  
Kemudahan Elektrik, Kipas Angin, dan Lampu



**Gambar 11:**  
Gelagar atau *Beam* Rumah Diperbuat daripada Simen Konkrit



Dinding Rumah Jenis *Cement Board*

**Gambar 9:**  
Dinding Rumah Diperbuat daripada *Cement Board*



**Gambar 12:**  
Tiang Rumah Diperbuat dari Simen yang Dicerucuk

Kampong Bolkiah A dan Kampong Bolkiah B, pada mulanya, diperbuat dari atap asbestos, namun pada masa ini atap rumah tersebut telah digantikan dengan atap zink jenis *spandix* yang berkualiti. Ini disebabkan atap asbestos dipercayai kurang baik dari

segi kesihatan (YSHHB, 1998; dan Surat *et al.*, 2009). Dinding luar dan dalam rumah, serta siling rumah, diperbuat daripada *cement board* (sila lihat gambar 9).

Dinding rumah dan bilik dicat dengan warna putih. Lantai rumah diperbuat



**Gambar 13 :**  
Tandas di Rumah Kampong Bolkiah  
Diperbuat dari Simen Konkrit



**Gambar 14:**  
Bilik Mandi



**Gambar 15:**  
Di Hadapan Rumah



**Gambar 16:**  
Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer



**Gambar 17:**  
Jejantas Berlantaikan Konkrit Menuju  
ke Rumah-rumah, dengan Nama Jejantas  
"Jambatan Lela Mencanai"




**Gambar 18:**  
Rumah Dua Tingkat Moden



**Gambar 19:**  
Kemudahan Disediakan dari TelBru (Telekom Brunei)



**Gambar 20:**  
Bekalan Elektrik di Kawasan Projek Perintis  
Menaik Taraf Kampong Ayer



**Gambar 21:**  
Kemudahan Tong Sampah bagi Setiap Rumah



**Gambar 22:**  
Kemudahan Paip Air dan Meter Air  
bagi Setiap Rumah



**Gambar 23:**  
Rumah Setingkat Berbentuk Belah Bubung Moden



**Gambar 24:**  
Nama Jejantas "Jambatan Padian"

daripada papan (sila lihat gambar 10). Gelegar atau *beam* rumah diperbuat daripada simen konkrit (sila lihat gambar 11). Tiang rumah diperbuat dari simen yang di cerucuk (sila lihat gambar 12). Tandas dalam rumah diperbuat dari simen konkrit. Lantai dan dinding tandas dibuat dari simen konkrit (sila lihat gambar 13 dan gambar 14).

Rumah jenis B mempunyai empat buah bilik, sebuah dapur, dan bilik tamu. Setiap bilik mempunyai jendela, atau tingkap, diperbuat dari ram dan cermin kaca. Jendela tersebut dihiasi dengan tabir mengikut cita rasa tuan rumah. Pemilik rumah di perumahan tersebut juga memiliki perabot rumah, seperti sekurang-kurangnya satu atau dua set kerusi di bilik tamu, dengan dilengkapi almari yang dihiasi bunga dan koleksi yang dimiliki oleh tuan rumah.

Setiap rumah mempunyai pantaran di depan rumah, dengan disediakan tangga. Di belakang rumah juga terdapat pantaran untuk kemudahan menjemur atau menyidai pakaian yang telah dicuci (sila lihat gambar 15). Sementara itu, bagi penghuni rumah yang mempunyai bot penambang atau bot menangkap ikan, bot-bot tersebut ditambat di tiang-tiang di bawah rumah atau di tepi rumah yang dibina garaj bot.

Selain Projek Perumahan di Kampong Bolkia A dan B, pihak kerajaan juga telah menyiapkan satu lagi projek yang dikenali Projek Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer, yang telah memulakan projeknya pada 2 April 2011. Projek ini merupakan keperihatinan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan bertujuan untuk melihat tahap pembangunan di Kampong Ayer lebih tersusun, bersih, selesa, dan selamat untuk didiami (Hassan, 2008; Rachman, 2015; dan Zain, 2015b).

Sebanyak 65 unit rumah dibangunkan di atas bekas kawasan rumah terbakar di Mukim Peramu dan Mukim Saba. Kemudahan yang disediakan termasuk infrastruktur dan kemudahan perkhidmatan yang berkaitan, seperti

rangkaian jejantas, sistem vakum pembentungan, sistem elektrik, sistem perpaipan air, sistem pencegahan kebakaran, dan kawasan lapan yang boleh digunakan oleh penduduk Kampong Ayer (Bakar, 2011:4).

Projek ini dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan, sebagai Agensi Peneraju, dengan beberapa jabatan-jabatan kerajaan, seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan agensi lain, seperti Telekom Brunei Berhad, dan pemborong projek Syarikat Tobishima (Brunei) Sendirian Berhad. Bahan binaan bercirikan bahan-bahan yang boleh bertahan lama, dan ciri keselamatan dari segi jarak rumah juga diambil kira bagi tujuan mengelakkan resiko kebakaran rumah di Kampong Ayer (Hassan, 2008; dan Bakar, 2011).

Bagi menangani masalah kebersihan, pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan tempat membuang sampah. Di kedua buah kampung tersebut terdapat perkhidmatan memungut sampah berbayar, yang dikendalikan oleh syarikat swasta. Selain daripada itu, melalui poster, penduduk selalu diingatkan supaya menjaga kebersihan alam sekitar (Zain, 2015b; dan Hamid, 2017).

Dalam masa yang sama, suasana kampung yang sentiasa bersih, mendidik penghuninya supaya menjaga kebersihan dan tidak mencemari kebersihan yang sedia ada. Tambahan lagi, kampung-kampung ini selalu dikunjungi oleh pelancong dan pelawat dari luar, kerana ia telah menjadi salah satu produk pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Untuk menjadikan sebagai kunjungan para pelancong, maka pihak kerajaan telah membangunkan sebuah Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, yang ditempatkan di kawasan Kampong Ayer di Negara Brunei Darussalam (Hassan, 2008; dan Ahmad, 2017). Sila lihat gambar 16-24.

## KESIMPULAN

Rumah-rumah Melayu Brunei di Kampong Ayer dapat dilihat perubahannya dan kemajuan yang dikecapi dalam arus kemodenan. Rekabentuk ataupun

senibina rumah-rumah Melayu Brunei di Kampong Ayer berubah-ubah mengikut arus zaman dan kebudayaan masyarakat Brunei yang dinamik, samada dari segi bahan binaan yang dipakai mahupun juga rekabentuknya.

Kampong Ayer telah dinaik taraf atas keperihatinan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) dan Kerajaan Baginda demi untuk kesejahteraan, keselesaan, dan keselamatan penduduk dan rakyat Brunei di Kampong Ayer. Hasrat Baginda ini juga adalah untuk tujuan perlancongan, bagi menarik ramai lagi pelancong luar negara datang melawat dan melihat keunikan Kampong Ayer di Brunei Darussalam, yang dibanggakan negara.

Dapat dilihat di masa akan datang terdapat banyak lagi projek-projek perintis untuk menaik taraf Kampong Ayer, yang lebih teratur dan tersusun, cantik dan selamat. Ini boleh menaikkan lagi taraf hidup penduduk dan rakyat Brunei di Kampong Ayer, bangsa Melayu Brunei khususnya.

Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil inisiatif bagi menambah baik taraf perumahan di Kampong Ayer agar lebih cantik, selaras dengan konsep penghijauan Bandar Seri Begawan, iaitu "Bandar dalam Taman" atau *City in a Garden*.<sup>9</sup>

## Referensi

Abas, Nooratini Haji. (2016). "RPN Peruntukkan 27,183 Buah Rumah" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 14 Mac. Tersedia secara online juga di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=2140> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].

<sup>9</sup>*Kenyataan:* Saya, dengan ini, membuat kenyataan bahawa artikel ini adalah dapatan penyelidikan saya persendirian, ianya bukan dapatan dengan unsur plagiat, memandangkan semua sumber yang saya petik dan nukil dalam teks, samada terus mahupun tidak, disebutkan secara jelas dalam senarai Referensi. Artikel ini juga belum pernah dihantar untuk diwasiti atau untuk diterbitkan pada jurnal akademik lainnya. Saya bersedia menerima hukuman secara akademik, sekiranya apa-apa yang saya nyatakan ini tidak benar dan tidak selari dengan hakikat yang ada.

- Ahmad, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji. (2017). "Lebih 700 Pengunjung Saksikan Pameran Jejak Warisan" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 29 Januari. Tersedia secara online juga di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=312> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Aldino, M. Rio. (2016). "Profile Negara Brunei Darussalam beserta Wisata Menariknya". Tersedia secara online di: <https://www.hipwee.com/narasi/profile-negara-brunei-darussalam-beserta-wisata-menariknya/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Alian. (2012). "Metodologi Sejarah dan Implementasi dalam Penelitian". Tersedia secara online di: [http://eprints.unsri.ac.id/3680/1/1.METODOLOGI\\_SEJARAH\\_DAN\\_IMPLEMENTASIN\\_DALAM\\_PENELITIAN.pdf](http://eprints.unsri.ac.id/3680/1/1.METODOLOGI_SEJARAH_DAN_IMPLEMENTASIN_DALAM_PENELITIAN.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Awang, Idris. (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Kamil & Shakir Sdn Bhd.
- Bakar, Bolhassan Haji Abu. (2011). "Pembinaan Rumah Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer Berjalan Lancar" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, 5 September, ms.4.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). "Sejarah Awal Petempatan Kampong Ayer di Brunei Zaman Tradisi Sebelum 1906" dalam *Kerajaan-kerajaan Melayu dan Hubungannya dengan Kesultanan Brunei*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, ms.144-154.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2016). "Perkembangan Rancangan Perpindahan Negara Brunei Darussalam Pasca Merdeka: Satu Dasar Kebajikan Negara" dalam *Brunei Merdeka: Kumpulan Artikel Sempena Memperingati Sambutan 30 Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Persatuan Sejarah Brunei.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu & Haji Awang Asbolin Haji Mail. (2016). "To Live on Water: Life Style of the Kampong Ayer Community during the British Residency Period, 1906-1941" in Ooi Keat Gin [ed]. *Brunei: History, Islam, Society, and Contemporary Issues*. London and New York: Routledge.
- Chi, S.C. (1994). *The Changing Socio-Economic Profile of Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Faculty of Arts and Social Sciences UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Cinthy, Dayana. (2018). "Wisata Brunei Darussalam Tak Kalah Unik: Coba Liburan ke Sini Yuk!" dalam majalah *Moslem*. Jakarta: 28 Maret. Tersedia secara online juga di: <https://moslemlifestyle.com/id/article/wisata-brunei-darussalam.html> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 April 2018].
- Creswell, John W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- "Dewan Majlis, Selasa, 15 Jamadilakhir 1438/14 Mac 2017". Tersedia secara online di: <http://www.councils.gov.bn/IMM%20Images/laporan2017/Selasa> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- "Elektrik: Kes Kebakaran Rumah". Tersedia secara online di: <http://energy.gov.bn/SitePages/kes%20kebakaran%20rumah.aspx> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Hamid, Rohani Haji Abd. (2017). "Fixed Wireless: Satu Kemajuan Penduduk Kampong Ayer" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 3 Mac. Tersedia secara online juga di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14hb Mac 2018].
- Hassan, Awang Haji Zainuddin bin Haji. (2008). "Ristaan Bandar Brunei" dalam *Pusaka*, Bil.15. Tersedia secara online juga di: <http://www.pusat-sejarah.gov.bn/Themed/ristaanPDF.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Ibrahim, Haji Awang Yahya bin Haji (Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia). (1996). "Beberapa Aspek mengenai Rumah dan Perumahan di Kampong Ayer". *Kertas kerja* dibentang dan dibincang dalam Simposium Antarabangsa Kampong Ayer, anjuran APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam), di Gadong, pada tarikh 6-9 September, ms.7-8.
- Iskandar, Teuku. (1994). "Tradisi Lisan dan Historiografi Melayu dalam Penyelidikan Sejarah Brunei" dalam Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd Noor & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal [eds]. *Brunei di Tengah-tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Belia dan Sukan Brunei Darussalam.
- Ismail, Hajah Rosidah binti Haji [ed]. (2017). *Brunei Darussalam Negaraku: Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ke-33 Negara Brunei Darussalam, 23 Februari 2017*. Bandar Seri Begawan: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. Tersedia secara online juga di: <http://www.information.gov.bn/Malay%20Publication%20PDF/Brunei%20Darussalam%20Negaraku> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- "Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Semula Kampong Ayer Dibentuk" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 11 September 2002.
- Nicholl, Robert [ed]. (2007). *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*. Bandar Seri Begawan: Brunei Museums Department, third edition.
- Noor, Pengiran Md, Pengiran Fatimah & Nurul

- Syakirah Zaini. (2014). "Kampung Bolkiah Jadi Ristaan" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 13 Disember.
- Rachman, Farchan Noor. (2015). "Kampung Ayer: Asal Mula Bandar Seri Begawan" dalam akhbar *Republika*. Jakarta: 1 September. Tersedia secara online juga di: <http://www.republika.co.id/berita/koran/news-update/15/09/01/ntzcg720-kampung-ayer-asal-mula-bandar-seri-begawan> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Rahardjo, Mudjia. (2017). *Studi Kasus dalam Penelitian Kualitatif: Konsep dan Prosedurnya*. Kota Malang: PPs UIN [Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri] Maulana Malik Ibrahim. Tersedia secara online juga di: <http://repository.uin-malang.ac.id/1104/1/Studi-kasus-dalam-penelitian-kualitatif.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Rahman, Haji Mohd Daud Abdul. (2018). "Mengingat Sejarah Padian Kampung Ayer" dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan: 6 Januari. Tersedia secara online juga di: <https://mediapermata.com.bn/mengingat-sejarah-padian-kampung-ayer/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14hb Mac 2018].
- Ramadhan, Adhitya. (2013). "Kampung Ayer: Venesia dari Timur". Tersedia secara online di: <https://travel.kompas.com/read/2013/06/12/11195417/Kampung.Ayer.Venesia.dari.Timur> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- "Rancangan Kemajuan Negara Kelapan, 2001-2005, Negara Brunei Darussalam". *Kertas Tidak Diterbitkan*, ada pada penulis.
- Said, Sahara Mohd. (2014). "Kembara Borneo: Kampung Ayer Brunei". Tersedia secara online di: <https://saramsa-rawahil.blogspot.co.id/2014/02/kembara-borneo-kampung-ayer-brunei.html> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14hb Mac 2018].
- Serudin, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd Zain bin Hj. (1992). *Brunei Darussalam: Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya*. Brunei Darussalam: Azza Publisher & Distributors.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Surat, M. et al. (2009). "Pendekatan Dasar Pemikiran Seni Bina Warisan Melayu bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa serta Penyelesaian Masalah Iklim dan Persekitaran dalam Seni Bina Masa Kini" dalam *Journal Design & Built: Seni Bina Warisan Melayu*, Volume 2.
- Temu bual bersama Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, beliau pernah tinggal di Kampung Lurong Sikuna, di Kampung Ayer. Temu bual pada 15 Mac 2009.
- Temu bual bersama Haji Abdul Majid bin Haji Tuah, beliau pernah tinggal di Kampung Burong Pingai Ayer. Temu bual pada 14 Mac 2009.
- Temu bual bersama Pengiran Haji Abdul Rahim bin Pengiran Haji Aliuddin, beliau pernah tinggal di Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda, di Kampung Ayer. Temu bual pada 26 Mei 2009.
- "Usaha Pelihara Kg. Ayer" dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan: 16 Jun 2017. Tersedia secara online juga di: <https://mediapermata.com.bn/usaha-pelihara-kg-ayer/> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2018].
- YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah]. (1998). *Buku Majlis Sempena Memperingati 5 Tahun Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*. Bandar Seri Begawan: Penerbit YSHHB.
- Zain, Norliah Md. (2015a). "Warta Mukim Berakas 'A' Wajar Dicontohi" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 24 Oktober. Tersedia secara online juga di: <http://www.pelita-brunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].
- Zain, Norliah Md. (2015b). "Kemakmuran Kampung Bolkiah B" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 18 Disember. Tersedia secara online juga di: <http://www.pelita-brunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Januari 2018].



### **Kampung Ayer di Brunei Darussalam**

(Sumber: <https://www.pinterest.com/dixiebabs/brunei-darussalam>, 24/3/2018)

Rumah-rumah Melayu Brunei di Kampung Ayer dapat dilihat perubahannya dan kemajuan yang dikecapi dalam arus kemodenan. Rekabentuk ataupun senibina rumah-rumah Melayu Brunei di Kampung Ayer berubah-ubah mengikut arus zaman dan kebudayaan masyarakat Brunei yang dinamik, samada dari segi bahan binaan yang dipakai mahupun juga rekabentuknya. Kampung Ayer telah dinaik taraf atas keperihatinan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) dan Kerajaan Baginda demi untuk kesejahteraan, keselesaan, dan keselamatan penduduk dan rakyat Brunei di Kampung Ayer. Hasrat Baginda ini juga adalah untuk tujuan perlancongan, bagi menarik ramai lagi pelancong luar negara datang melawat dan melihat keunikan Kampung Ayer di Brunei Darussalam, yang dibanggakan negara.